

21 MAY 1996

Anwar-Perwaja (Pemulihan)

PRICE WATERHOUSE KEMUKA EMPAT CADANGAN PULIH PERWAJA

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Firma audit Price Waterhouse telah mengemukakan empat cadangan pilihan kepada Kementerian Kewangan untuk menyusun semula Kumpulan Perwaja, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata keempat-empat cadangan itu penting dalam membantu kerajaan membuat keputusan mengenai masa depan Perwaja selaras dengan pendapat kerajaan bahawa industri yang diceburi Perwaja mempunyai potensi yang besar berasaskan pertumbuhan ekonomi negara masa ini.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat ketika menggulung perbahasan usul Rancangan Malaysia Ketujuh bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan. Usul itu dibentang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 6 Mei lepas.

Anwar berkata, cadangan pertama melibatkan pengekalan ekuiti dan melaksanakan rancangan pemulihan menerusi pengurusan yang sedia ada.

Ini perlu dilakukan oleh kerajaan jika ia berhasrat untuk menswastakan atau menyenaraikan Perwaja di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), katanya.

Katanya, cadangan kedua melibatkan pengekalan ekuiti dan melantik satu kumpulan pakar untuk memulihkan Perwaja dengan hasrat menswastakan atau menyenaraikannya di BSKL pada masa akan datang.

Menurut Anwar, Price Waterhouse juga mencadangkan supaya Perwaja terus diswastakan atau mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak yang berminat, mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan kepakaran dalam industri keluli.

Katanya, kerajaan telah mengumumkan bahawa empat syarikat swasta berminat untuk menyusun semula Kumpulan Perwaja.

"Syarikat-syarikat berkenaan ialah Kumpulan Lion, Renong Berhad, Maju Holding Berhad dan Wing Teik Holding Berhad," katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata, memorandum maklumat mengenai Kumpulan Perwaja telah diedarkan kepada keempat-empat syarikat swasta itu untuk memudahkan mereka mengemukakan cadangan penyusunan semula. -- BERNAMA

AH NMO